

28 JUL 2003

Mahathir-Pemuliharaan/I

DR MAHATHIR GESA PENDEKATAN SEIMBANG DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEMULAJADI

PUTRAJAYA, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rakyat Malaysia patut bersyukur kerana hidup dalam sebuah negara yang kaya dengan keindahan alam semulajadi tetapi mengingatkan bahawa pemuliharaan alam semulajadi perlu diseimbangkan dengan keperluan pembangunan negara.

Beliau berkata rakyat tidak sepatutnya mempunyai pendirian fanatik mengenai alam semulajadi tetapi sebaliknya bersikap sederhana dalam pandangan mereka mengenai melindungi warisan negara.

Dr Mahathir berkata sebagai Perdana Menteri negara ini, beliau perlu memberikan perhatian sama rata kepada kepentingan lain selain daripada memulihara alam semulajadi, seperti menyediakan rakyat tanah untuk membina rumah dan aktiviti penanaman untuk kehidupan.

"Kita perlu memulihara alam semulajadi, hutan, laut dan gunung-ganang kita dan semua tempat indah yang kita ada. Tetapi kita perlu bersedia untuk berkorban," katanya semasa melancarkan Dana Alaf Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) di sini.

Dana itu diwujudkan pada 1999 untuk menyediakan pembiayaan kepada MNS untuk menjalankan projek-projek kesedaran di peringkat akar umbi serta kerja-kerja pemuliharaan dan pendidikan.

Dr Mahathir, yang merupakan penaung Dana Alaf, memberikan contoh yang mencuit hati mengenai perlunya bersikap praktikal dalam pendekatan memulihara alam semulajadi.

Katanya dengan tidak membenarkan pembunuhan harimau, akibatnya jumlah haiwan itu telah meningkat tetapi kerana sifat semulajadinya, haiwan ganas itu akan menyerang atau memakan manusia seperti yang dilaporkan di Pantai Timur.

"Tentu sukar untuk memberitahu orang yang menjadi mangsanya bahawa "anda patut bangga kerana terbabit dalam kegiatan pemuliharaan harimau". Jadi, kita perlu tahu mengseimbangkannya," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata mereka yang terlibat dalam industri pembalakan bersikap kurang bertanggungjawab dengan menebang lebih banyak pokok daripada yang dibenarkan.

Menyatakan bahawa kerajaan tidak dapat mengawasi aktiviti itu setiap masa, Perdana Menteri bagaimanapun berkata Malaysia masih merupakan sebuah negara yang hijau.

Beliau berkata rakyat Malaysia yang tinggal di bandar raya perlu menyahut gesaan agar mereka menanam pokok di belakang rumah mereka supaya pelawat ke negara ini akan dapat melihat betapa bandar raya besar seperti Kuala Lumpur dipenuhi kehijauan.

Ini, katanya akan menunjukkan bahawa kerajaan telah berjaya dalam usaha untuk menghidupkan negara ini.

Sementara itu, Dr Mahathir menggesa para penderma untuk menyumbang kepada dana itu demi generasi akan datang.

"Kita masih ada masa untuk membantu memulihara warisan kita, hutan kita, haiwan, bunga-bunga kita. Mari kita pulihara semua yang telah kita warisi daripada zaman dahulu agar generasi akan datang akan dapat menikmati apa yang telah kita nikmati," katanya.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA

MAM RHM

